Pertanian: Majlis penyelarasan mesyuarat Mac

BH 18 JAN 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Kerajaan bersetuju dengan penubuhan pusat penyelarasan sektor awam-swasta bagi menyelia pelaksanaan semua program utama mengikut Dasar Pertanian Kebangsaan.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi hari ini berkata majlis yang dicadangkan Kementerian Pertanian itu dijangka mengadakan mesyuarat pertamanya Mac ini.

Majlis itu akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan dianggotai pakar dan peneraju sektor berasaskan pertanian selain semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Majlis berkenaan juga akan menjalin hubungan lebih rapat dengan semua kerajaan negeri bagi membangunkan sektor pertanian negara," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian penubuhan ibu pejabat Pusat Antarabangsa bagi Pengurusan Sumber Akuatik Hidup (ICLARM) di sini.

Dasar Pertanian Kebangsaan ketiga (1998-2010) menetapkan transformasi beransur-ansur sektor itu untuk memenuhi keperluan bagi jaminan makanan serta cabaran ekonomi global.

Effendi berkata, beliau akan mempengerusikan sebuah jawatankuasa penyelaras yang akan ditubuhkan dan dianggotai semua ahli Exco negeri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pertanian.

Jawatankuasa itu akan melaporkan pelbagai isu berkaitan kepada majlis perundingan, katanya.

Effendi berkata Kementerian Pertanian akan menganjurkan forum yang disertai pelabur dalam dan luar negeri pada Mac bagi mencetuskan kesedaran mengenai potensi besar pelaburan dalam sektor pertanian.

Beliau berkata, sektor swasta mempunyai peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian negara yang kurang diberi perhatian dalam beberapa tahun lalu dan mengakibatkan negara terpaksa membelanjakan RM10 bilion setahun bagi mengimport makanan.